

[UPE(S)12-9/3]

TINDAKAN SERTA MERTA

Ketua-ketua Setiausaha, Kementerian-kementerian Persekutuan,
Ketua-ketua Pengarah, Jabatan-jabatan Persekutuan,
Pengerusi/Pengurus Besar/Ketua Pengarah, Badan-badan Berkanun Persekutuan,
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

PEKELILING AM BIL. 5 TAHUN 2004

PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, 2006-2010

Tujuan

Pekeliling ini menetapkan garis panduan mengenai penyediaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), 2006-2010. Tujuan pekeling ini adalah untuk mendapatkan cadangan program dan projek RMKe-9 daripada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri. Pekeling ini adalah juga untuk mendapatkan laporan mengenai prestasi pelaksanaan program dan projek bagi Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) sebagai input kepada perancangan program pembangunan sektor awam untuk tempoh RMKe-9.

Dasar dan Strategi RMKe-9

2. Cabaran utama RMKe-9 ialah meningkatkan prestasi dan kemampuan negara ke tahap yang lebih cemerlang untuk menghadapi cabaran semasa serta perubahan persekitaran yang semakin tidak menentu. Oleh itu, negara perlu memperkukuhkan daya saing dan daya tahan serta lebih berinovatif untuk menangani cabaran tersebut. Tahap produktiviti dan kandungan pengetahuan dalam ekonomi juga perlu ditingkatkan untuk membolehkan negara berada di landasan yang lebih kukuh. Dalam hubungan ini, penekanan kepada pembangunan sumber manusia adalah penting di mana negara perlu mengeluarkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran dan berpengetahuan sesuai dengan keperluan pasaran. Walaupun negara sedang mengecapi kemakmuran, masih terdapat sekelompok rakyat yang miskin. Oleh yang demikian, langkah pembasmian kemiskinan akan terus diperhebatkan. Di samping itu, Kerajaan perlu menyediakan kemudahan dan perkhidmatan berkualiti tinggi melalui sistem penyampaian yang cekap dan berkesan untuk memenuhi kehendak rakyat yang semakin meningkat.

3. Teras utama RMKe-9 ialah untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara di tahap yang lebih tinggi dan menguruskannya dengan berkesan bagi mencapai pembangunan ekonomi yang lebih seimbang serta mencapai integrasi nasional. Sehubungan itu, RMKe-9 akan memberi penekanan kepada konsep *development with a human touch* atau *people-centred development* bagi memastikan hasil pertumbuhan ekonomi negara dinikmati dan diagihkan secara saksama kepada seluruh rakyat Malaysia. Matlamat utama RMKe-9 adalah untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat yang progresif, bersatu padu dan adil. Dalam suasana ekonomi dan geopolitik dunia yang masih tidak menentu, penekanan utama dasar ekonomi makro bagi RMKe-9 adalah untuk meneruskan agenda Dasar Wawasan Negara bagi meningkatkan daya tahan dan daya saing ekonomi supaya tidak mudah terjejas berikutan perubahan persekitaran yang berlaku terutamanya di luar negara. Usaha akan ditumpukan kepada menggiatkan lagi pertumbuhan ekonomi supaya dapat mengekalkan taraf dan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Perspektif Ekonomi Makro

4. Dalam tempoh RMKe-9, *teras dasar ekonomi negara* akan terus tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi yang mapan dalam suasana inflasi yang rendah dan harga yang stabil, kadar pengangguran yang rendah dan lebihan akaun semasa imbalan pembayaran yang kukuh. Di samping itu, Kerajaan juga akan terus menggalakkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dalam sektor perindustrian, pembuatan dan perkhidmatan bagi menghadapi perubahan bentuk persaingan global. Ini termasuk mengenal pasti dan menggalakkan perkembangan sumber pertumbuhan baru dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Selain itu,

usaha mempergiatkan sumbangan Produktiviti Faktor Keseluruhan (TFP) kepada pertumbuhan juga akan dipertingkatkan melalui peningkatan kecekapan, daya pengeluaran dan inovasi. Usaha ini boleh ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), sains dan teknologi (S&T) serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Oleh itu, bidang-bidang tersebut akan terus diberi keutamaan dalam merangka dan melaksanakan RMKe-9. Selaras dengan hasrat mencergaskan semula sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan, Kerajaan akan meneruskan dasar mesra perniagaan, termasuk mempercepatkan langkah deregulasi ekonomi serta mengurangkan kerenah birokrasi.

5. Kerajaan akan berusaha untuk melaksanakan pengurusan fiskal berhemat dengan memastikan tahap defisit Kerajaan Persekutuan sebagai peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus menurun di tahun-tahun yang akan datang. Untuk itu, disiplin fiskal perlu ditingkatkan, khususnya bagi mengawal perbelanjaan. Bagi tujuan perancangan awal, siling RMKe-9 telah ditetapkan sebanyak RM150 bilion, iaitu lebih rendah daripada siling RMKe-8 sebanyak RM170 bilion. Oleh itu, projek baru dalam RMKe-9 perlu dipilih secara teliti dan mengikut keutamaan selaras dengan siling yang disediakan. Pemilihan projek dalam RMKe-9 akan berasaskan kriteria tertentu sebagaimana dinyatakan di perenggan 20 pekeliling ini.

6. Pembangunan *sumber tenaga manusia* terus menjadi teras utama dalam menyokong peningkatan daya saing dan daya tahan ekonomi ke arah mencapai matlamat Dasar Wawasan Negara. Bagi tujuan ini, strategi dan program pembangunan sumber manusia perlu memberi tumpuan kepada melahirkan sumber manusia berkualiti yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, mempunyai nilai-nilai positif dan mampu menghadapi persaingan global. Sehubungan ini, sistem pendidikan dan latihan perlu diperkukuhkan supaya lebih responsif kepada perkembangan dan keperluan ekonomi. Di samping itu, pasaran buruh yang lebih cekap dan berkesan perlu diwujudkan bagi menjamin penggunaan sumber manusia secara optimum.

Agenda Pembahagian

7. Teras agenda *penyusunan semula masyarakat* akan diteruskan dalam tempoh RMKe-9 bagi memastikan penyertaan yang lebih seimbang dan saksama di kalangan pelbagai kumpulan etnik. Perhatian khusus akan terus diberikan kepada usaha untuk mencapai penyertaan berkesan dan pemilikan ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang tahun 2010. Usaha akan ditumpu untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan yang dinamik. Bagi tujuan menyediakan lebih banyak peluang kepada Bumiputera untuk meningkatkan pemilikan dan penguasaan dalam sektor korporat, agensi amanah terutamanya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dikehendaki meneroka kekayaan baru dalam

sektor atau aktiviti dinamik yang masih kurang diceburi oleh Bumiputera. Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) akan dipergiatkan bagi melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera yang berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing. Bagi meningkatkan penyertaan dan pemilikan Bumiputera dalam sektor korporat, Kerajaan bersetuju memperuntukkan sekurang-kurangnya 60 peratus daripada perolehan, kerja kontrak dan projek lain milik Kerajaan kepada usahawan Bumiputera. Perhatian akan terus diberikan kepada penyusunan semula guna tenaga bagi memastikan corak guna tenaga mencerminkan komposisi etnik penduduk negara. Dalam hal ini, usaha akan ditumpukan ke arah meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam guna tenaga profesional, pengurusan dan pekerjaan berpendapatan tinggi.

8. Dalam aspek *pembasmian kemiskinan*, usaha akan ditumpukan ke arah membasmi kemiskinan dan kemiskinan tegar khususnya di kalangan kelompok miskin di luar bandar dan juga di bandar melalui pelaksanaan program dan projek yang khusus kepada golongan berkenaan. Pada masa yang sama, usaha juga akan dipergiatkan ke arah menyediakan peluang yang lebih luas kepada golongan berpendapatan rendah selaras dengan matlamat mengurangkan ketidak samaan pendapatan di kalangan rakyat.

9. Dari segi *pembangunan wilayah*, pembangunan seimbang antara negeri serta antara bandar dan luar bandar perlu diberikan penekanan. Kerjasama antara Malaysia dengan negara jiran melalui pertumbuhan segi tiga dan pembangunan kawasan sempadan akan diperkukuhkan. Kebanyakan negeri telah menetapkan tahun sasaran untuk menjadi negeri maju. Sehubungan itu, perancangan projek perlu mengambilkira impak lokasi yang mempengaruhi keseimbangan antara negeri, bandar dan luar bandar serta ke arah menjadi negeri maju di dalam tempoh yang ditetapkan.

Pembangunan Sektoral

10. Teras utama *sektor perindustrian* adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan dan meningkatkan eksport khususnya dari segi menggiatkan usaha menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan meningkatkan produktiviti serta daya saing agar terus dapat bersaing di bawah liberalisasi perdagangan yang berterusan. Anjakan strategik ke arah industri berteknologi tinggi, mempunyai nilai ditambah dan berasaskan pengetahuan akan terus dipromosikan selaras dengan matlamat Pelan Induk Perindustrian terkini. Tumpuan khusus akan diberi kepada punca pertumbuhan baru terutamanya penggalakkan industri berasaskan sumber dengan penekanan kepada pengeluaran produk bernilai tinggi dan mempunyai nilai ditambah. Aktiviti dan program pelaburan untuk meningkatkan pengeluaran tempatan bagi barangan modal, di dalam rangkaian pengurusan rantai bekalan global dan perantaraan akan dipromosi bagi mengurangkan penggunaan alat dan komponen import dalam pengeluaran. Kerajaan akan memastikan persekitaran

mesra perniagaan yang akan menggalakkan sektor swasta menjalankan aktiviti R&D, perolehan teknologi dan aktiviti pembuatan yang lain. Di samping itu, bagi mengukuhkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), usaha yang lebih giat akan dibuat bagi mempertingkatkan sistem sokongan institusi, kemudahan aliran kewangan, kemahiran teknikal, laluan pasaran, penggunaan teknologi dan ICT, kesedaran terhadap penjenamaan produk dan perlindungan harta intelek.

11. **Sektor perkhidmatan** akan menerajui pertumbuhan ekonomi negara dalam tempoh RMKe-9. Penekanan khusus akan diberikan kepada usaha memajukan lagi sektor kecil perkhidmatan yang penting termasuk kewangan, perbankan dan insurans, pengangkutan udara, perkapalan, perkhidmatan pelabuhan, perdagangan pengedaran, pelancongan, pendidikan, komunikasi dan perkhidmatan profesional. Bagi tujuan tersebut, daya saing sektor tersebut, terutamanya dari segi kualiti dan kecekapan perkhidmatan, akan dipertingkatkan bagi merebut peluang yang wujud berikutan globalisasi dan liberalisasi perdagangan perkhidmatan di peringkat antarabangsa di samping memenuhi permintaan dalam negara. Selain daripada berpotensi untuk berkembang sebagai sumber eksport negara, perkhidmatan tersebut juga akan membantu mempergiatkan perkembangan sektor ekonomi yang lain seperti pembuatan, pertanian dan pembinaan.

12. Peranan **S&T** dan **ICT** dalam menjana pertumbuhan dan pembangunan ekonomi akan terus diberi penekanan selaras dengan iltizam negara untuk menuju ke arah ekonomi berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan. Oleh itu, usaha untuk memperkukuhkan sistem inovasi negara, pembangunan teknologi strategik serta penggunaan S&T dan ICT akan diperluaskan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Keutamaan akan diberi kepada aktiviti R&D berorientasikan pasaran dan bidang keutamaan yang memenuhi keperluan industri dan negara. Sehubungan dengan ini, pelaburan awam akan ditumpukan untuk meningkatkan keperluan infrastruktur dan sumber tenaga manusia di samping terus memastikan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan S&T dan ICT negara.

13. Teras utama **sektor pertanian** adalah untuk memperkukuhkan keseluruhan daya saing sektor ini. Untuk tujuan ini, pendekatan berasaskan komersil perlu diperkukuhkan yang bukan sahaja akan memastikan sistem pengeluaran yang cekap, menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi dan berorientasikan pasaran, tetapi lebih penting lagi ialah pendekatan ini akan mempercepatkan proses untuk mengeluarkan kumpulan sasar daripada pertanian sara diri. Bagi membangunkan sektor pertanian, adalah menjadi satu keperluan yang mendesak untuk meneliti semula pendekatan, mekanisme dan program yang sedia ada. Keutamaan juga perlu diberikan dari segi kecekapan dan keberkesanan program dan projek untuk petani kecil. Seajar dengan ini, keberkesanan pelbagai agensi pertanian terutama yang memiliki tanah pertanian

dan yang menyediakan khidmat pengembangan perlu dikaji dan disusun semula sejajar dengan perubahan yang telah dan sedang berlaku yang berpunca daripada dalam negeri dan antarabangsa. Selain daripada itu, sektor swasta terutamanya syarikat perladangan perlu digalakkan untuk menjadikan pertanian sebagai perniagaan teras mereka dan mencebur diri dalam aktiviti peringkat hiliran berbanding dengan bidang-bidang yang bukan pertanian seperti hartanah dan perkhidmatan lain.

14. Pemacu dan peneraju utama perlu memperbaharui tumpuan ke arah aktiviti nilai ditambah secara bersepadu dan lebih intensif bagi semua sektor kecil di sepanjang rantai nilai sektor pertanian. Aktiviti ini yang meliputi peringkat pengeluaran benih dan bibit hingga ke peringkat industri hiliran asas tani perlu dinaik taraf dan menepati keperluan piawaian antarabangsa. Ini akan memperkukuhkan lagi kemampuan dan daya saing produk sektor ini dalam pasaran domestik dan global. Peranan sektor swasta, syarikat yang mempunyai kepentingan Kerajaan (GLCs) dan anak syarikat badan berkanun yang berkaitan perlu dipertingkatkan dengan menggalakkan pelaburan yang lebih besar terutama dalam aktiviti pertanian moden yang berorientasikan eksport. Usaha juga diperlukan bagi memesatkan kegiatan R&D, aplikasi Amalan Pertanian Baik (GAP), teknologi baru dan pertanian berasaskan pengetahuan serta menyediakan secukupnya pekerja berkemahiran khususnya bagi memajukan sektor-sektor kecil yang berpotensi tinggi.

15. Pembangunan *infrastruktur dan utiliti* akan ditumpukan kepada peningkatan kecekapan sistem pengangkutan dan perhubungan bagi memperkukuhkan lagi daya tahan dan daya saing ekonomi. Usaha untuk menyepadukan perkhidmatan pengangkutan awam akan dilaksanakan oleh sebuah badan Lembaga Pengangkutan Awam. Tumpuan akan diberi kepada pembangunan rangkaian infrastruktur yang bersepadu untuk mengoptimumkan penggunaan kemudahan tersebut oleh pelbagai pihak dan mengelakkan pembaziran dari segi penggunaan khusus (*dedicated*) oleh satu agensi sahaja. Usaha juga akan terus dipergiat melalui pelaksanaan program mengurangkan kadar kehilangan air tidak terhasil dan program menaik taraf serta membaik pulih sistem retikulasi air negeri bagi meningkatkan perkhidmatan bekalan air dari segi kuantiti dan kualiti kepada pengguna. Di samping itu, tumpuan juga akan diberi bagi meningkatkan liputan elektrik luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak.

16. Pembangunan *perkhidmatan sosial* hendaklah diberi keutamaan melalui sistem penyampaian yang lebih berkesan bagi meningkatkan kualiti dan kesamarataan serta aksesibiliti kepada perkhidmatan asas oleh semua golongan masyarakat di samping menjamin keberkesanan kos. Oleh itu, liputan kemudahan pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan serta perkhidmatan sosial yang lain perlu diperluaskan dengan fokus khusus untuk mengurangkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar. Bagi mencapai objektif ini dan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat

terhadap perkhidmatan yang lebih luas dan bermutu, perkongsian tanggungjawab dengan pihak swasta hendaklah dipertingkatkan dan diberi keutamaan. Seajar dengan ini, pengagihan peranan antara sektor awam dan swasta hendaklah dikenal pasti dan pengagihan sumber awam perlu ditentukan. Peranan Kerajaan dari segi kawalan perlu diperkukuhkan dan diteruskan bagi menjamin keberkesanan kos dan kualiti.

17. **Dasar penswastaan** akan terus menjadi strategi penting bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara serta mempertingkatkan pembangunan dan penyertaan usahawan Bumiputera dalam pembangunan ekonomi. Dalam usaha mempertingkatkan keberkesanan program penswastaan dan memastikan lebih manfaat diperoleh rakyat dan Kerajaan, pelaksanaan program penswastaan akan dikaji semula dan langkah mengemas kini dan menambah baik akan dilaksanakan secara berterusan. Cadangan projek penswastaan akan dikenal pasti atas inisiatif Kerajaan manakala skop projek pula akan ditetapkan mengikut keperluan dan kemampuan kewangan Kerajaan. Sehubungan ini, agensi Kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri perlu mengenal pasti cadangan penswastaan yang berdaya maju untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-9. Kerajaan juga akan meneliti semula pendekatan projek yang melibatkan perkhidmatan dan caj atau tarif kepada pengguna. Bagi projek yang melibatkan obligasi sosial dan kos modal yang tinggi, Kerajaan akan meneliti kemungkinan untuk membiayai kos modal bagi mengurangkan impak kos ke atas kadar caj atau tarif kepada pengguna. Pihak swasta pula akan terus diberi peranan untuk mengendali operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan supaya masyarakat menikmati tahap perkhidmatan yang lebih cekap dan berkualiti. Bagi mempertingkatkan keberkesanan kawal selia dan pemantauan projek penswastaan, Kerajaan akan mempercepatkan proses penubuhan beberapa suruhanjaya yang telah dikenal pasti di samping mewujudkan badan kawal selia tertentu sebelum sesuatu projek penswastaan dalam bidang baru dilaksanakan.

Kerjasama Antarabangsa

18. Dalam tempoh RMKe-9, Malaysia akan terus meningkatkan usaha untuk mengukuhkan kerjasama dengan masyarakat antarabangsa bagi memastikan agar cabaran ekonomi dan politik global dapat ditangani dan dimanfaatkan untuk memajukan kepentingan pembangunan nasional. Bidang-bidang kerjasama yang akan diberi keutamaan termasuklah bidang ekonomi, pembinaan keupayaan, latihan kemahiran lanjutan serta kerjasama saintifik. Kerjasama di antara negara Selatan-Selatan akan diterajui oleh Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) yang akan dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada pembangunan sumber manusia yang menjadi teras kepada pembangunan negara dan meningkatkan urustadbir yang baik di samping memupuk perkongsian pintar melalui forum seperti *Langkawi International Dialogue* (LID).

19. Mekanisme kerjasama dua hala seperti Suruhanjaya Bersama dan perjanjian-perjanjian kerjasama akan terus menjadi teras ke arah memperkukuh dan meningkatkan jalinan kerjasama dua hala serta menjadi saluran bagi memperolehi teknologi dan memanfaatkan peluang-peluang ekonomi. Bantuan pembangunan rasmi yang diperolehi akan dipergunakan sepenuhnya mengikut keutamaan pembangunan negara seperti memperkukuhkan pembangunan kemahiran dan pembangunan mapan, meningkatkan daya saing ekonomi serta mengurangkan jurang antara wilayah. Kerjasama di peringkat serantau akan terus ditumpukan kepada aktiviti-aktiviti ke arah mempercepatkan proses integrasi ekonomi ASEAN dan menggalakkan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara serantau termasuk kawasan pertumbuhan segi tiga. Di peringkat pelbagai hala, Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam forum antarabangsa untuk memastikan kepentingan negara terpelihara. Peranan Malaysia sebagai pengerusi *Non-Aligned Movement* (NAM) dan *Organization of Islamic Conference* (OIC) akan membantu memajukan kepentingan ekonomi negara-negara membangun, memperkukuhkan pendirian bersama negara-negara Selatan dalam forum antarabangsa serta memupuk perpaduan di kalangan negara-negara Islam.

Kriteria Pemilihan Program/Projek RMKe-9

20. Program/projek yang akan diberi keutamaan dalam RMKe-9 selain daripada program/projek RMKe-8 yang akan disambung pelaksanaannya dalam RMKe-9, adalah program/projek yang memenuhi matlamat-matlamat pembangunan seperti dijelaskan di atas. Keutamaan akan diberi kepada program/projek:-

- a. yang dapat memperkukuhkan keseluruhan daya saing sektor pertanian;
- b. yang bertujuan untuk mencapai pembangunan yang seimbang antara bandar dan luar bandar;
- c. bagi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat;
- d. yang menyumbang kepada pembangunan sumber manusia seperti program/projek pendidikan dan latihan;
- e. yang menyumbang kepada pembangunan sosial seperti program/projek kesihatan serta aktiviti R&D;
- f. infrastruktur asas;
- g. yang dapat mengukuhkan IKS;
- h. yang berkaitan dengan penggunaan ICT yang terkini;
- i. yang memenuhi keperluan ekonomi dan sosial rakyat Malaysia dari pelbagai kumpulan, terutamanya golongan yang tidak berkeupayaan;

- j. yang boleh mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi dan daya saing negara;
- k. yang dapat menyumbang kepada peningkatan produktiviti serta eksport negara;
- l. yang tidak menyebabkan kebocoran kepada ekonomi seperti projek yang tidak mempunyai kandungan import yang tinggi;
- m. yang memberi kesan pengganda dan limpahan yang tinggi serta dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan, termasuk *soft infrastructure* dalam bidang pendidikan dan latihan;
- n. yang lebih produktif dan *tradable*;
- o. yang mempunyai skop dan kos lebih munasabah selaras dengan dasar dan strategi semasa; dan
- p. yang mempunyai reka bentuk dan struktur lebih *functional* dan tidak hanya tertumpu kepada bersaiz besar, cantik dan mewah yang akan melibatkan kos pembinaan dan penyelenggaraan yang tinggi.

Panduan Menyediakan Laporan RMKe-9

21. Penyediaan laporan RMKe-9 hendaklah dibuat dalam **Sistem Pemantauan Projek II (SPP II)** meliputi dua kategori seperti berikut:
 - a. Program dan projek RMKe-8 dan sambungan ke RMKe-9; dan
 - b. Program dan projek baru RMKe-9.

Program dan Projek RMKe-8 dan Sambungan Ke RMKe-9

22. Semua Kementerian Persekutuan dikehendaki memberikan maklumat-maklumat mengenai program/projek RMKe-8 termasuk projek-projek yang dilaksanakan secara bayaran tertangguh (*deferred payment*) dalam RMKe-8 yang perlu dibayar dalam RMKe-9 dan program/projek sambungan ke RMKe-9 termasuk laporan prestasi fizikal dan kewangan dengan mengisikan **borang projek sambungan** yang disediakan dalam SPP II. Bagi projek bayaran tertangguh keperluan siling peruntukan RMKe-9 projek ini perlu diambil kira. Di samping itu, semua Kementerian Persekutuan dikehendaki menyediakan satu laporan yang menyeluruh mengenai pelaksanaan program/projek RMKe-8 termasuk memberikan penilaian terhadap pencapaian fizikal dan kewangan meliputi semua Jabatan/Badan Berkanun di bawah potfolio masing-masing mengikut format seperti di **Lampiran A**. Satu senarai program/projek RMKe-8 dan sambungan RMKe-9 perlu disediakan mengikut format di **Lampiran B** menggunakan perisian *Excel*.

23. Berdasarkan *Dokumen Kenyataan Dasar RRJP3 dan RMKe-8 (Pelaksanaan Dasar dan Program)*, setiap Kementerian/Agensi Persekutuan dikehendaki mengemukakan laporan mengenai pencapaian matlamat dasar dan program setakat ini. Ianya hendaklah disediakan dalam satu laporan yang berasingan dengan menggunakan format seperti di **Lampiran C**.

Program dan Projek Baru RMKe-9

24. Bagi program dan projek baru RMKe-9, semua Kementerian Persekutuan hendaklah mengemukakan permohonan dengan mengisikan **borang projek baru** yang disediakan dalam SPP II. Penyediaan program dan projek baru hendaklah diasaskan kepada ***Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1992 - Garis Panduan Perancangan Dan Penyediaan Projek Pembangunan*** dan selaras dengan ***Jadual Pertama Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966***. Bagi cadangan yang melibatkan pembiayaan melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, khasnya bagi Badan-badan Berkanun, ianya hendaklah mengambil kira dasar dan panduan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan. Setiap cadangan program/projek baru hendaklah disertakan dengan satu ringkasan projek (*project brief*) yang perlu disediakan mengikut format seperti di **Lampiran D** dan **ringkasan projek hendaklah disertakan pada borang projek baru dalam SPP II**. Satu senarai program/projek baru RMKe-9 perlu disediakan mengikut format di **Lampiran E** menggunakan perisian *Excel*.

25. Setiap program/projek perlu ditentukan kod kawasannya sama ada projek tersebut berada pada lokasi bandar (kod 'B'), luar bandar (kod 'L') atau projek tersebut meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar (kod 'D'). Contohnya, bagi program/projek yang tidak terletak di bandar sebagaimana dinyatakan dalam ***Senarai Nama-nama Bandar Mengikut Negeri*** seperti di **Lampiran G**, program/projek berkenaan dianggap terletak di luar bandar dan diberikan kod 'L'.

Penggunaan Wang Rezab

26. Beberapa Badan Berkanun telah dikenalpasti mempunyai lebihan yang besar dalam kumpulan wang rezab mereka. Bagi tempoh RMKe-9, Badan-badan Berkanun dicadangkan membiayai sebanyak mungkin yang boleh projek pembangunan masing-masing dengan menggunakan wang rezab mereka. Badan-Badan Berkanun yang didapati mempunyai kumpulan wang rezab yang tinggi atau berlebihan akan dikehendaki menggunakan lebihan ini untuk membiayai perbelanjaan projek pembangunan yang dilaksanakan. Penyaluran peruntukan yang disediakan akan dibuat berasaskan Kaedah

Keperluan Aliran Tunai Suku Tahunan Badan-Badan Berkanun dan Kemajuan Pelaksanaan Projek. Kaedah penyaluran peruntukan tahunan ini akan terus diamalkan dalam RMKe-9.

Program/Projek R & D di bawah Kerjasama Antarabangsa

27. Semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri yang mempunyai program/projek/aktiviti kerjasama antarabangsa dengan negara lain atau pertubuhan/agensi/institusi luar negeri/institusi antarabangsa dikehendaki mengemukakan maklumat dalam **Borang 1**. Maklumat ini perlu bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai penglibatan Malaysia dalam program/projek/aktiviti kerjasama antarabangsa dalam RMKe-8 dan cadangan RMKe-9.

Panduan Menyediakan Laporan RMKe-9

28. Panduan untuk menyediakan laporan RMKe-9 adalah seperti berikut:
- a. Jabatan/Badan Berkanun di bawah Kementerian Persekutuan di peringkat negeri hendaklah berunding terlebih dahulu dengan UPEN bagi menyelaraskan keperluan program dan projek pembangunan di negeri berkenaan sebelum mengemukakan cadangan program dan projek baru kepada Ibu Pejabat di peringkat Persekutuan menggunakan SPP II;
 - b. Setiap Kementerian Persekutuan hendaklah mengemukakan satu laporan yang telah diselaraskan dan disatukan dengan merangkumi laporan bagi semua agensi di bawah portfolio masing-masing, untuk disemak, ditapis, diperaku dan disatukan menggunakan SPP II. Ini bermakna Kementerian hendaklah terlebih dahulu mengadakan pemeriksaan belanjawan ke atas agensi masing-masing bagi menentukan keperluan dan keutamaan program dan projek;
 - c. UPEN dan Jabatan Pembangunan Persekutuan hanya perlu mengemukakan laporan keseluruhan prestasi pelaksanaan RMKe-8 dan keperluan peruntukan Kerajaan Persekutuan dalam RMKe-9 mengikut format seperti di **Lampiran F** dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* dalam disket komputer. Senarai program/projek RMKe-8 dan sambungan RMKe-9 perlu disediakan mengikut format di **Lampiran B**. Sementara senarai projek baru RMKe-9 perlu disediakan mengikut format di **Lampiran E**. Senarai ini perlu dibuat menggunakan perisian *Excel*.
 - d. Selain daripada penyampaian laporan melalui SPP II, laporan mengikut format **Lampiran A hingga E dan Borang 1** perlu disediakan dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* dalam disket komputer dan hendaklah dikelaskan "SULIT". Laporan-laporan ini hendaklah dikemukakan kepada UPE dalam 4 salinan *hardcopy* dan *softcopy* dalam disket komputer.

Surat Menyurat Dan Pertanyaan

29. Semua surat menyurat mengenai Pekeliling ini hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Blok B 5 & B6,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA.
(U.P: Pengarah Belanjawan)


Tarikh Untuk Mengemukakan Laporan

30. Semua maklumat yang perlu dimasukkan dalam SPP II iaitu maklumat program/projek RMKe-8 dan Sambungan ke RMKe-9 serta program/projek Baru RMKe-9 hendaklah sedia dimasukkan dalam SPP II selewat-lewatnya pada **31 Januari 2005**. Laporan mengikut format **Lampiran A hingga E, Borang 1** dan lain-lain maklumat tambahan dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* dalam disket komputer hendaklah dikemukakan kepada UPE pada tarikh yang sama.

Pegawai Perhubungan

31. Setiap Kementerian, UPEN dan Jabatan Pembangunan Persekutuan hendaklah melantik seorang pegawai kanan masing-masing yang akan bertanggungjawab untuk berhubung dengan UPE bagi menyelaraskan kerja-kerja penyediaan RMKe-9. Nama pegawai tersebut hendaklah disampaikan kepada UPE dalam tempoh satu bulan dari tarikh Pekeliling ini.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN)

*Ketua Setiausaha Negara
selaku Pengerusi Jawatankuasa
Perancang Pembangunan Negara*

JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA

21 Oktober 2004.

**LAPORAN PENILAIAN KESELURUHAN PRESTASI KEWANGAN
DAN FIZIKAL BAGI PROGRAM/PROJEK PEMBANGUNAN
RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (RMKe-8)**

I. LATAR BELAKANG

Bahagian ini menyediakan satu latar belakang ringkas mengenai wawasan/matlamat Kementerian/Agensi dalam RMKe-8 dan program/projek yang berkaitan termasuklah objektif, peruntukan RMKe-8 dan anggaran kos projek.

II. PRESTASI KEWANGAN

Bahagian ini menyatakan prestasi kewangan dengan menyatakan peruntukan (termasuk peruntukan tambahan) bagi setiap tahun bagi tempoh 2001-2005 serta perbelanjaan sebenar setiap tahun bagi tempoh 2001-2003 dan anggaran perbelanjaan bagi tahun 2004 dan 2005.

III. PRESTASI FIZIKAL

Bahagian ini menyatakan prestasi fizikal secara keseluruhan bagi program/projek di bawah Kementerian/Agensi. Satu jadual menunjukkan bilangan dan peratusan program/projek siap, dahului jadual, ikut jadual, lewat jadual, dalam pelaksanaan dan belum mula perlu disertakan. Kementerian/ Agensi juga diminta mengemukakan prestasi fizikal dalam bentuk peratus, hektar, bilangan, kilometer dan sebagainya serta membandingkan dengan matlamat asal program/projek.

IV. IMPAK PROJEK

Bahagian ini menyatakan kesan atau impak program/projek kepada golongan sasaran.

V. ISU/MASALAH PELAKSANAAN PROJEK

Bahagian ini menyatakan secara menyeluruh isu-isu atau masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan program/projek atau masalah lain yang berkaitan dengannya.

VI. CARA MENGATASI MASALAH

Bahagian ini menjelaskan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian/Agensi bagi mengatasi masalah yang dialami dalam tempoh RMKe-8.

VII. SYOR/MAKLUMBALAS

Bahagian ini menyatakan dengan jelas mengenai syor dan cadangan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi kelemahan dan masalah dari segi pencapaian sebenar.

VIII. KESIMPULAN

Kementerian/Agensi diminta membuat satu kesimpulan mengenai pencapaian matlamat Kementerian/Agensi dalam RMKe-8 dan pengharapan dalam RMKe-9.

Senarai program/projek RMKe-8 dan sambungan RMKe-9

Lampiran B

Bil.	MP	Butiran	Siri	Nama Program/Projek	Skop Projek	Nama Agensi	Kod Seksyen UPE	Kod Sektor	Nama Negeri	Nama Daerah	Nama Kawasan DUN	Nama Kawasan Parlimen	Kod Kawasan (B/L/D)	Kos Projek (RM)	Kos Projek Dipinda (RM)	Siling Projek RMKe-8 (RM)	Siling Projek RMKe-9 Dipohon (RM)	Perbelanjaan Sebenar 2001-2003 dan Anggaran 2004 hingga 2010 (RM)										Status Projek/Pencapaian	Catatan/Ulasan	
																		2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010			
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)	(12)	(13)	(14)	(15)	(16)	(17)	(18)	(19)	(20)	(21)	(22)	(23)	(24)	(25)	(26)	(27)	(28)	(29)	(30)	
1																														
2																														
3																														
4																														
5																														
6																														
7																														
8																														
.																														
.																														
.																														
.																														
.																														
.																														
.																														
.																														

Panduan Mengisi Lampiran B

- Gunakan satu **row** untuk satu **projek**. Nama Program/Projek, Nama Daerah, Nama Kawasan DUN, Nama Kawasan Parlimen, Status Projek/Pencapaian dan Catatan/Ulasan yang panjang boleh dimuatkan dalam satu *cell* dengan memastikan *cell* tersebut diformatkan dengan **wrap text**. (dalam *Excel* tekan kekunci **Format, Cells, Alignment, Wrap text**)
- Ruang (15) hingga (28) diisi dalam **Ringgit Malaysia** dan menggunakan format **number**. (dalam *Excel* tekan kekunci **Format, Cells, Number, Number**)

**LAPORAN PENCAPAIAN MATLAMAT DASAR RRJP3 DAN RMKe-8
(PELAKSANAAN DASAR DAN PROGRAM)**

KEMENTERIAN :
AGENSI :

I. KENYATAAN DASAR

Bahagian ini menjelaskan kenyataan dasar RMKe-8/RRJP3 bagi Kementerian /Agensi berkenaan. Sebagai contoh :

Teras Dasar Pembangunan Pertanian

Menjadikan sektor pertanian salah satu sumber pertumbuhan yang penting kepada pembangunan ekonomi negara. (m.s. 182)

II. LAPORAN PENCAPAIAN

Bahagian ini menyatakan dengan jelas laporan pencapaian dalam kualiti, kuantiti dan kos yang telah dicapai berdasarkan kepada matlamat dasar berkaitan. Di samping itu, Kementerian/Agensi diminta menyatakan/menyenaraikan tindakan yang telah diambil bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan termasuk menyatakan indikator pengukuran yang digunakan.

III. SYOR/MAKLUMBALAS

Bahagian ini menyatakan dengan jelas mengenai syor dan cadangan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi kelemahan dan masalah dari segi pencapaian sebenar.

KANDUNGAN RINGKASAN PROGRAM/PROJEK
(Kira-kira 2-3 muka surat)

I. LATAR BELAKANG PROGRAM/PROJEK

Bahagian ini menyediakan satu latar belakang ringkas mengenai cadangan projek termasuklah lokasi dan keadaan semasa. Ia juga menerangkan beberapa halangan dan potensi-potensi pembangunan dan bagaimana projek yang dicadangkan mempunyai hubungan dengan objektif-objektif negara, negeri dan/atau sektor.

II. OBJEKTIF PROGRAM/PROJEK

Bahagian ini menyatakan dengan jelas objektif yang hendak dicapai melalui pelaksanaan projek. Adalah lebih baik jika objektif, di mana mungkin, dinyatakan dalam sebutan kuantiti yang tepat.

III. KOMPONEN PROGRAM/PROJEK

Bahagian ini mentakrifkan dengan jelas berbagai-bagai komponen yang perlu dimasukkan untuk mencapai objektif yang ditentukan. Ia juga menyatakan alternatif-alternatif teknik asas yang boleh diperolehi, anggaran pengeluaran dan pengenalan teknologi-teknologi yang dapat diperolehi serta potensi-potensinya untuk diperbaiki.

IV. ANGGARAN KOS PROGRAM/PROJEK

Bahagian ini menyediakan anggaran kasar jumlah kos projek termasuk kos modal serta kos operasi dan penyelenggaraan. Ini bukanlah penyediaan kos secara terperinci tetapi merupakan satu penunjuk mengenai berapa banyak kos yang terlibat. Unit kos boleh digunakan untuk memperolehi anggaran jumlah kos. Di samping itu, keperluan aliran tunai dalam tempoh RMKe-9 perlu disediakan.

V. OUTPUT DAN FAEDAH YANG DIJANGKA DARIPADA PROGRAM/PROJEK

Bahagian ini menjelaskan saiz dan bentuk permintaan atau pasaran bagi keluaran atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh projek itu. Ianya menyatakan faedah-faedah yang diharap atau dijangkakan iaitu termasuklah bilangan dan jenis atau kawasan-kawasan sasaran, pencapaian terhadap pembangunan yang lebih seimbang dari segi pembangunan wilayah, bandar dan desa serta kesan kepada alam sekitar dan sumber asli.

VI. JUSTIFIKASI PROGRAM/PROJEK

Bahagian ini menyediakan justifikasi pemilihan projek ini termasuk anggaran kasar mengenai pulangan kewangan/ekonomi dan pencapaian objektif-objektif polisi tertentu.

VII. MAKLUMAT TAMBAHAN

Bahagian ini menunjukkan sebarang halangan yang besar atau faktor-faktor umum lain yang berkemungkinan mendatangkan kesan yang besar ke atas projek yang dirancangkan.

**PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN KESELURUHAN PRESTASI
PELAKSANAAN RMKe-8 DAN KEPERLUAN PERUNTUKAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN RMKe-9 BAGI UNIT PERANCANG
EKONOMI NEGERI/KERAJAAN NEGERI**

1. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)/Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) akan bertanggungjawab untuk menyelaraskan kerja-kerja perancangan dan menyediakan laporan keseluruhan berasaskan laporan yang dikemukakan oleh Jabatan/Agensi/Badan Berkanun di bawah Kementerian Persekutuan di peringkat negeri bagi negeri berkenaan. Dalam hal ini, program/projek di bawah Jabatan/Agensi Persekutuan/Badan Berkanun di peringkat negeri berkenaan hendaklah diambil kira selain daripada projek-projek pembiayaan Kerajaan Negeri sendiri untuk menggambarkan usaha pembangunan keseluruhan dan kesan sosio-ekonomi ke atas negeri berkenaan.

2. UPEN/JPP hendaklah mengemukakan laporan yang mengandungi bahagian-bahagian utama seperti berikut:

(a) RINGKASAN :

Bahagian ini hendaklah mengandungi ringkasan laporan serta kesimpulan-kesimpulan dan perakuan-perakuan utama yang terdapat di dalam laporan tersebut.

(b) OBJEKTIF/MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGERI :

UPEN/JPP hendaklah menerangkan dasar, matlamat dan strategi negeri berkenaan bagi tempoh RMKe-9 dan ianya hendaklah selaras dan berteraskan dasar strategi yang dinyatakan di dalam Pekeliling ini. UPEN/JPP juga hendaklah menyediakan matlamat pembangunan negeri secara kuantitatif dari segi kadar pertumbuhan ekonomi, tahap pendapatan dan kualiti hidup, kadar kemiskinan dan kadar pengangguran.

(c) ISU-ISU UTAMA PEMBANGUNAN :

UPEN/JPP hendaklah juga menjelaskan isu-isu utama di peringkat negeri yang menjadi penghalang kepada pertumbuhan ekonomi, pembangunan sektor-sektor dan peningkatan pendapatan dan taraf hidup di negeri berkenaan. Di dalam penyediaan laporan ini, UPEN/JPP hendaklah membangkitkan isu dan masalah yang berkaitan dengan perancangan pembangunan seperti masalah infrastruktur di sesuatu kawasan, ketidakpelbagaian ekonomi, masalah buruh, kemiskinan dan sebagainya. Isu-isu sedemikian adalah penting kepada perancang dasar untuk menggubal dan mencadangkan strategi-strategi baru yang lebih berkesan ke arah meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi di samping dapat menggunakan sumber dengan lebih cekap.

(d) KEMAJUAN PEMBANGUNAN SETIAP SEKTOR

Penilaian hendaklah dibuat dari segi kemajuan keseluruhan kewangan dan fizikal pelaksanaan program pembangunan bagi setiap sektor di bawah RMKe-8 di negeri masing-masing bagi program/projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Pengkelasan mengikut sektor-sektor pertanian, perhutanan, perikanan, perlombongan perindustrian, pengangkutan (darat, laut dan udara), perhubungan, pelancongan, pendidikan, latihan, kesihatan, perumahan dan kemudahan awam (bekalan air paip dan elektrik). Laporan perlu meliputi aspek-aspek penduduk yang menerima faedah serta masalah pembangunan dan pelaksanaan di setiap sektor. Selain dari itu, satu jadual lengkap program/projek RMKe-8 perlu disediakan bagi projek yang dibiayai di bawah peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri. Maklumat yang perlu disediakan di dalam jadual tersebut antaranya ialah kos projek, peruntukan yang diluluskan di bawah RMKe-8 dan jumlah perbelanjaan.

Senarai Nama-Nama Bandar Mengikut Negeri

JOHOR

Bandar Penggaram (Batu Pahat)
Parit Raja
Yong Peng
Kelapa Sawit, Johor Bahru
Kulai
M.B. Johor Bahru
Pasir Gudang
Sekudai
Senai
Ulu Tiram
Kluang
Simpang Renggam
Kota Tinggi
Mersing
Bandar Maharani (Muar)
Bukit Bakri
Tangkak
Pekan Nenas
Pontian Kecil
Buluh Kasap
Chaah
Labis
Segamat

KEDAH

Alor Star
Kuala Kedah
Bedong
Gurun
Sungai Petani
Jitra
Kulim
Kuah

KELANTAN

Kadok
M.P Kota Bharu
Pangkal Kalong
Peringat
Pasir Mas
Tanah Merah
Tumpat
Wakaf Bharu
Gua Musang
Kuala Krai & Guchil

MELAKA

Kuala Sungai Baru
Masjid Tanah
Pulau Sebang
Bemban
Ayer Keroh
Ayer Molek
Batu Berendam
Bukit Baru
Bukit Rambai
Klebang
Melaka Bandaraya Bersejarah
Sungai Udang

NEGERI SEMBILAN

Kuala Pilah
Port Dickson
M.P Seremban
Nilai
Tampin
Jempol

PAHANG

Bentong
Bukit Tinggi
Jerantut
M.P Kuantan
Kuala Lipis
Pekan
Raub
Mentakab
Temerloh
Bandar Jengka Pusat

PERAK

Bidor
Tanjong Malim
Tapah
Ayer Tawar
Kampung Koh
Lumut
Pantai Remis
Simpang Empat (Sitiawan)
Batu Gajah
Kampar
Lawan Kuda Baharu
M.B Ipoh
Bagan Serai
Parit Buntar
Kuala Kangsar
Sungai Siput Utara
M.P Taiping
Teluk Intan

PERLIS

Kangar
Kuala Perlis

PULAU PINANG

Bukit Mertajam
Juru
Perai
Butterworth
Kepala Batas
Permatang Kuching
Nibong Tebal
Val D'or
Gelugor
Georgetown
Tanjong Bunga
Tanjong Tokong
Sungai Ara

SABAH

Tawau
Lahad Datu
Semporna
Sandakan
D.B Kota Kinabalu
Ranau
Kota Belud
Donggongan
Putatan
Kinarut
Papar
Kudat
Beaufort
Keningau
Kunak

SARAWAK

Kuching
Batu 8 Bazaar
Kota Samarahan
Sri Aman Townland
Sarikei Townland
M.P Sibu
Bintulu Townland
Kapit Townland
M.P Miri
Limbang Townland

SELANGOR

M.P Ampang Jaya
Batu Arang
Gombak Setia/Taman Perwira
Kuang
Pengkalan Kundang
Rawang
Selayang Baru
Taman Greenwood
Taman Gombak
M.P Klang
Banting
Berjarom
Tanjong Sepat
Batang Berjuntai
Kuala Selangor
Tanjong Karang
M.P Petaling Jaya
M.P Shah Alam
M.P Subang Jaya
Sungai Besar
Sabak
Sekinchan
Bandar Baru Salak Tinggi
Sungai Pelek
M.P Ampang Jaya
Balakong
Beranang
Bt. 9, Cheras/Sungai Raya/Taman Sutex
Kajang dan Sungai Chua
Semenyih
Bukit Beruntung
Kuala Kubu Baru
Serendah

TERENGGANU

Jertih
Dungun
Paka
Cukai
Kerteh
M.P. Kuala Terengganu
Marang

WILAYAH PERSEKUTUAN

D.B Kuala Lumpur
Putrajaya
M.P Labuan

BORANG 1

**MAKLUMAT MENGENAI
PROGRAM/PROJEK/AKTIVITI KERJASAMA ANTARABANGSA**

1	NAMA KEMENTERIAN/AGENSI	
---	----------------------------	--

2	NEGARA/PERTUBUHAN/ AGENSI/INSTITUSI LUAR NEGERI DAN ANTARABANGSA YANG BERKENAAN	
---	---	--

3	PERINGKAT KERJASAMA (Sila tandakan 'X' di mana berkenaan)	
	BILATERAL	
	MULTILATERAL	
	REGIONAL	
	INSTITUTIONAL	

4	KETERANGAN MENGENAI PROGRAM/PROJEK/AKTIVITI KERJASAMA YANG DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH RMKe-8	
	Tajuk	
	Objektif	
	Aktiviti yang dijalankan	
	Sumber pembiayaan	

5	SENARAI PERJANJIAN/MOU BERKAITAN YANG DITANDATANGANI	
	Tajuk	
	Signatories	
	Tarikh ditandatangani	
	Tempoh laku (<i>Effectiveness</i>)	

6	NILAI SUMBANGAN YANG DIBAYAR/DITERIMA SETIAP TAHUN				
		Dibayar		Diterima	
	Tahun	RM	Matawang Asing	RM	Matawang Asing
	2001				
	2002				
	2003				
	2004				
	2005 (Anggaran)				

7	PERBELANJAAN UNTUK PROGRAM/PROJEK/AKTIVITI INI DALAM TEMPOH RMKe-8		
		Pembangunan	Mengurus
		RM	RM
	Tahun		
	2001		
	2002		
	2003		
	2004		
	2005 (Anggaran)		

8	KETERANGAN MENGENAI PROGRAM/PROJEK/AKTIVITI KERJASAMA YANG DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH RMKe-9	
	Tajuk	
	Objektif	
	Aktiviti yang dijalankan	
	Sumber pembiayaan	

Nama Pegawai Pelapor	
Jawatan	
Kementerian/Agensi	
Alamat	
No. Telefon	
No. Fax	
Emel	

PANDUAN MENGISI BORANG 1

Maklumat ini perlu bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai penglibatan Kementerian/Agensi dalam program/projek/aktiviti kerjasama antarabangsa. Walau bagaimanapun, Kementerian/Agensi tidak perlu memberikan maklumbalas mengenai program/projek/aktiviti berikut:

Yang berbentuk *trade/investment promotion*
Yang dibiayai melalui pinjaman daripada sumber asing

Sila gunakan borang berasingan bagi setiap negara atau pertubuhan atau agensi atau institusi, kecuali bagi program/projek/aktiviti yang melibatkan *multicountries* atau *multiparties*, yang boleh dibuat menggunakan borang yang sama.

Butiran 2: Sila nyatakan nama negara/pertubuhan/agensi/institusi luar negeri dan antarabangsa yang terlibat dalam program kerjasama dengan Kementerian/Agensi.

Butiran 3: Contoh: *Bilateral* bagi kerjasama peringkat negara dengan Jepun, Kanada, Afrika Selatan, Ghana dll.; *Multilateral* bagi kerjasama dengan agensi-agensi seperti PBB, Bank Dunia, ADB dll; *Regional* (seperti ASEAN, APEC, *Growth Triangle* dll.); *Institutional* (seperti kerjasama khusus, program kembar dll. di peringkat institusi, universiti, kementerian dan jabatan). Bagi program yang melibatkan lebih dari satu peringkat kerjasama, sila tandakan semua yang berkenaan.

Butiran 4: Sila maklumkan program/projek/aktiviti yang dilaksanakan, khususnya tajuk, objektif, aktiviti yang dijalankan dan juga sumber pembiayaan. Sila lampirkan *brief/annual report*, jika berkenaan.

Butiran 5: Sila senaraikan semua perjanjian/MOU berkaitan yang ditandatangani berhubung dengan program/projek/aktiviti ini.

Butiran 6: Sebagai negara ahli, Malaysia ada membuat **sumbangan** (*contribution/subscription*) kepada beberapa pertubuhan tertentu. Selain itu, sesetengah negara dan pertubuhan antarabangsa ada memberi sumbangan kewangan sebagai menyokong program/projek/aktiviti khusus Kementerian/Agensi. Sekiranya sumbangan ini disalurkan melalui Kementerian/Agensi, sila nyatakan nilai sumbangan dalam **matawang yang disumbang** dan juga **RM yang bersamaan**.

Butiran 7: Sila senaraikan jumlah perbelanjaan dibuat bagi membiayai program/projek/aktiviti ini setiap tahun bagi tempoh RMKe-8.

Butiran 8: Sila maklumkan program/projek/aktiviti yang dilaksanakan, khususnya tajuk, objektif, aktiviti yang dicadang dijalankan dan juga sumber pembiayaan.